

# Pameran Facon bantu pelajar pilih kursus, IPT

Oleh Rosniza Mohd Taha  
yoniza@bharian.com.my

**B**ERIKUTAN peluasan akses pendidikan tinggi, jumlah kemasukan pelajar berusia 17 hingga 23 tahun melanjutkan pengajian di kolej dan universiti dijangka meningkat daripada 38 peratus ketika ini kepada 50 peratus pada 2020 iaitu setara kadar minimum enrolmen pengajian tinggi negara maju.

Ketua Pengarah Kementerian Pengajian Tinggi, Prof Datuk Radin Umar, berkata pencapaian sasaran itu penting bagi menyokong usaha kerajaan mengembangkan ekonomi berasaskan pengetahuan serta melahirkan tenaga kerja berpendidikan tinggi terutama berkaitan bidang sains dan teknologi.

Selain Karnival Pengajian Tinggi Negara anjuran kementerian, katanya, langkah pelbagai pihak lain mengadakan pameran pendidikan disifatkan sebagai pelengkap usaha kerajaan mendedahkan pelajar kepada peluang pengajian di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) sebagai salah satu usaha mencapai sasaran itu.

"Sasaran kementerian adalah memastikan majoriti pelajar berusia 17 hingga 23 tahun melanjutkan pengajian

ke peringkat tinggi dan ketika ini kadar enrolmen pengajian tinggi negara iaitu 38 peratus dijangka meningkat kepada 40 peratus pada tahun depan serta mencapai kadar minimum setara negara maju iaitu 50 peratus pada 2020.

"Inisiatif pelbagai pihak termasuk Facon Exhibitions



**“**Inisiatif pelbagai pihak termasuk Facon Exhibitions Sdn Bhd mengadakan pameran pendidikan tidak dilihat sebagai persaingan oleh kementerian”

**Radin Umar**  
Ketua Pengarah Kementerian  
Pengajian Tinggi

Sdn Bhd mengadakan pameran pendidikan tidak dilihat sebagai persaingan oleh kementerian, sebaliknya kami menggalakkan usaha seumpama ini bagi membantu menyebarkan maklumat pendidikan tinggi kepada orang ramai.

"Sebagai contoh, pelajar yang tidak sempat mengikuti Karnival Pengajian Tinggi Negara 2009 di lapan zon seluruh negara hingga 5 April depan, boleh mengunjungi Pameran Pendidikan Facon tahun ini yang diadakan di 12 bandar seluruh negara dan disertai kira-kira 600 institusi pengajian tinggi terkemuka tempatan dan luar negara," katanya pada majlis perasmian Pameran Pendidikan Facon di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi penganjur, Tan Sri Dr Yahaya Ibrahim.

Pameran yang sudah berlangsung di KLCC, Miri, Kuching dan Sibul mulai 14 hingga 16 Mac lalu itu akan turut diadakan di lapan bandar lain seluruh negara iaitu Alor Setar (17 Mac), Pulau Pinang (18 Mac), Ipoh (19 Mac), Johor Bahru (20 dan 21 Mac), Sandakan (20 Mac), Kota Kinabalu (21 Mac), Tawau (22 Mac) dan Melaka (23 Mac).



SEBAHAGIAN pengunjung yang hadir pada hari pertama Pameran Pendidikan Facon 2009.



**NURUL AIN (kanan) memberi risalah kepada orang ramai yang hadir pada Pameran Pendidikan Facon 2009 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, baru-baru ini.**